

AL-TURATH: JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH

VOLUME 10 ISSUE 1 2025

E-ISSN 0128-0899



INDEXED BY MYJURNAL

HOME PAGE: <https://www.ukm.my/turath/>

Copyright Information:

This article is open access and is distributed under the terms of Creative Commons Attribution 4.0 International License.

Publisher Information:

Research Centre for al-Quran and al-Sunnah
Faculty of Islamic Studies
The National University of Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel: +60 3 8921 4405 | Fax: +60 3 8921 3017
Email: alturathjournal@gmail.com

Journal QR Code :



STATUS HADIS DALAM KITAB *BAHR AL-WAFI WA AL-NAHR AL-SAFI*, BAB HAJI DAN UMRAH

Status of Hadith Status in the Book *Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*, Chapter of Hajj and Umrah

SAIFULIZAM BIN MOHAMAD¹ & FADLAN BIN MOHD OTHMAN^{1*}

¹Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor. Malaysia

*Corresponding author: fadlan@ukm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.17576/turath-2025-1001-09>

Article history

Received: 30/04/2025

Revised: 02/06/2025

Accepted: 18/06/2025

Published: 30/06/2025

Abstrak

Ketika membahaskan bab haji dan umrah dalam kitab *al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi* pengarangnya, Sheikh Muhammad bin Ismail Daudi al-Fathani banyak mendatangkan hadis-hadis Rasulullah SAW sebagai sandaran dalil selain daripada ayat-ayat al-Quran. Walau bagaimanapun sebahagian besar hadis-hadis yang dikemukakan oleh al-Fathani tidak dinyatakan statusnya sama ada sahih, hasan, *da'if* mahupun *mawdu'*. Sekiranya ada disebut sekalipun jumlahnya amat sedikit dan hanya terhad kepada hadis sahih riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim. Justeru, terdapat kewajaran untuk menilai semula hadis-hadis yang dinukilkan dalam kitab fiqh, *al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*, bab haji dan umrah dalam usaha mengenal pasti status hadis-hadis berkenaan sekali gus dapat dibezakan antara hadis-hadis *maqbul* dan hadis-hadis yang *mardud*. Penilaian status hadis dilakukan melalui proses *takbrij*. Pada masa sama, kajian ini turut mengenal pasti hadis-hadis gantian yang berstatus sahih bagi menggantikan hadis-hadis *da'if* dan *mawdu'* sekiranya ada. Reka bentuk kajian ialah kajian kualitatif dengan pendekatan analisis kandungan. Maklumat serta data diperoleh melalui penelitian ke atas sumber primer iaitu kitab *al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*, bab haji dan umrah, kitab-kitab hadis serta sumber-sumber kepustakaan yang lain. Kajian ini mendapati sebahagian besar hadis yang dinukilkan oleh al-Fathani ialah hadis-hadis sahih, meskipun terdapat juga hadis-hadis *da'if* dalam karyanya itu. Malah beliau turut memasukkan hadis-hadis *mawdu'* walaupun jumlahnya sedikit. Apa pun dari segi jumlah keseluruhan, bilangan hadis-hadis *maqbul* yang dinukilkan adalah lebih banyak berbanding hadis-hadis *mardud*.

Kata Kunci: *al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*, al-Fathani, *takbrij*, *maqbul*, *mardud*.

Abstract

In discussing the chapters on Hajj and 'Umrah in *al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*, its author, Sheikh Muhammad bin Ismail Daudi al-Fathani, frequently cites the Prophetic traditions (*hadith*) as supporting evidence alongside Qur'anic verses. However, the majority of the hadiths cited by al-Fathani are presented without any classification regarding their authenticity—whether *sahih* (sound), *hasan* (good), *da'if* (weak), or *mawdu'* (fabricated). On the rare occasions where the status is indicated, it is limited to a small number of *sahih* hadiths narrated by Imams al-Bukhari and Muslim. This indicates a clear need to re-evaluate the hadiths cited in the chapters on Hajj and 'Umrah of this fiqh work in order to identify their levels of authenticity and to distinguish between *maqbul* (accepted) and *mardud* (rejected) narrations. This evaluation is conducted through the process of *takbrij* (hadith verification and sourcing). Additionally, this study seeks to identify alternative *sahih* narrations that may substitute weak or fabricated hadiths, if any. The study adopts a qualitative research design using a content analysis approach. Data and information were gathered primarily from the text *al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi* (chapters on Hajj and 'Umrah), canonical hadith collections, and other related scholarly sources. The findings reveal that while the majority of hadiths cited by al-Fathani are authentic, there are also instances of *da'if* and a few *mawdu'* hadiths. Nevertheless, the overall number of *maqbul* hadiths exceeds that of *mardud* narrations.

Keywords: *al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*, al-Fathani, *takbrij*, *maqbul*, *mardud*.

PENGENALAN

Perkataan *takbrij* berasal daripada kata kerja *kharaja* (خرج) bermaksud keluar. Dari segi etimologis *takbrij* bermakna mengeluarkan. Menurut M. Hafil Birbik (2020) pula, secara harfiah *takbrij* berasal daripada perkataan *kharaja* dan daripada kalimah itu *takbrij* boleh diberikan tiga pengertian iaitu pertama, penetapan sumber-sumber hadis (*istinbat*); kedua, penjelasan berkait dengan sumber-sumber hadis melalui metode yang benar (*taujiib*) dan ketiga kaedah serta pengetahuan untuk menemukan sumber-sumber hadis (*tadrib*).

Dr. Mahmud al-Tahhan, seorang pengasas ilmu *takbrij* hadis mendefinisikan *takbrij* hadis itu sebagai menunjukkan tempat adanya hadis dalam sumber utamanya, dikeluarkan dengan sanadnya dan kemudian dijelaskan statusnya apabila diperlukan (al-Tahhan, 1999). Menurut Fauzi Deraman (2001) pula *takbrij* hadis adalah satu ilmu yang menerangkan sumber hadis dan sanadnya serta menerangkan kedudukan hadis-hadis tersebut mengikut keperluan. Ringkasnya ilmu *takbrij* hadis adalah satu ilmu yang membincangkan kaedah dan metode bagi menentukan asal usul hadis dari sumber-sumber muktabar dan kemudian menilai kedudukannya berdasarkan kaedah penilaian yang tepat. Malah Fauzi Deraman (2001) juga bersetuju dengan pandangan yang menyatakan *takbrij* hadis itu adalah satu kajian menyeluruh dari segenap aspek terhadap hadis dan merupakan pelaksanaan secara amali bagi *'ulum hadith* secara menyeluruh.

Jelasnya, ilmu *takbrij* hadis merupakan satu ilmu yang berbentuk kaedah secara amali dan kemahiran dan ilmu ini sentiasa terdedah dengan perkembangan semasa sesuai dengan kemajuan serta ledakan teknologi maklumat. Kesannya, proses pentakhrijan kini lebih mudah kerana capaian maklumat dapat dilakukan dengan hanya di hujung jari. Teknologi maklumat telah memudahkan pelaksanaan *takbrij* hadis. Oleh itu, dengan segala kecanggihan dan kemudahan teknologi maklumat tiada lagi alasan kepada mana-mana pihak untuk memahami hadis secara salah atau berdalil dengan dalil yang tidak berautoriti (Othman et al., 2022).

Fadlan Mohd Othman (2018) menjelaskan, terdapat tiga teknik asas praktikal *takbrij* hadis menggunakan teknologi maklumat iaitu *takbrij* hadis menggunakan bahasa Melayu secara *online*, *takbrij* hadis menggunakan bahasa Arab secara *online* dan *takbrij* hadis menggunakan bahasa Arab secara *online* dan *offline*. Justeru, segala bentuk penggunaan teknologi maklumat ketika melakukan

kerja-kerja *takbrij* hadis boleh dikategorikan sebagai satu kaedah kontemporari dalam ilmu *takbrij* hadis selain praktikal ilmu *takbrij* secara *turath*.

Fokus utama kajian adalah untuk mengenal pasti status serta sumber asal hadis-hadis yang dimuatkan di dalam kitab *Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*, bab haji dan umrah. Ini kerana pengarang iaitu al-Fathani tidak menyebut status sebahagian besar hadis-hadis tersebut yang kesemuanya berjumlah 57 buah hadis.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan. Sehubungan dengan itu, sumber utama yang digunakan ialah kitab *al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*, bab haji dan umrah yang diterbitkan oleh Khazanah Fathaniah. Buku ini dicetak pada tahun 2021. Sebanyak 14 hadis dijadikan sebagai sampel kajian untuk diverifikasi dengan kaedah *takbrij* secara dalam talian. Laman web *al-Maktabah al-Shamilah* digunakan sebagai pembantu dalam pencarian sesuatu hadis di samping beberapa laman web yang menyediakan perkhidmatan *takbrij* hadis seperti www.dorar.net, www.islamweb.net/hadith, <https://hdith.com/> dan sebagainya. Begitu juga penggunaan laman web *Waqfeya* yang mana di dalamnya terkandung kitab-kitab hadis muktabar, kitab-kitab hadis terkini termasuk kitab syarah hadis dalam bentuk PDF. Rujukan turut melibatkan penggunaan laman web ensklopedia perawi yang boleh diakses pada pautan <http://hadithtransmitters.hawramani.com/>.

Selain itu, sumber-sumber asli hadis seperti *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Tirmidhi*, *Sunan Ibn Majah* dan *Sunan al-Nasai* turut digunakan. Di samping itu, kajian ini turut menggunakan kitab-kitab sekunder hasil karangan Sheikh Muhammad Nasiruddin al-Albani seperti *Sahih Ibn Majah*, *Sahih al-Nasai*, *Sahih Jami Saghir wa Ziyadatibi* dan *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah wa Atharaha al-Sayyi' fi al-Ummah*.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hadis-hadis dalam bab haji dan umrah dalam kitab *al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi* dikategorikan kepada dua jenis, iaitu hadis *maqbul* dan hadis *mardud*. Ulasan lanjut adalah seperti berikut:

Hadis *Maqbul*

Kajian ini menemukan dua status hadis yang dikenalpasti ialah hadis *muttafaq alayh* dan hadis *sahih*.

1) Hadis *Muttafaq alayh*

Hadis ketiga telah dikemukakan oleh al-Fathani (2021) pada fasal bermula haji dan umrah dinyatakan seperti berikut:

Dan hadis Nabi SAW:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ

Maksud: Islam terbina atas lima perkara

Al-Fathani (2021) tidak menyatakan status bagi hadis berkenaan. Kajian ini menunjukkan hadis tersebut diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari (2002) dalam kitab *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Iman, bab du'aukum imanukum, jilid 1 halaman 12, nombor 8 (al-Bukhari, 2002) dan Imam Muslim dalam *Sahih Muslim*, Kitab al-Iman, bab bayani arkan al-Islam wa da'aimihi al-'izam,

halaman 28, nombor 16 (Muslim, 2006). Oleh yang demikian, hadis ini dinilai sahih, *muttafaq 'alayh* berdasarkan kepada kedudukannya yang terdapat dalam kitab *Shahihayn*.

Al-Fathani (2021) telah menulis hadis ke 27 dalam fasal pada menyatakan segala wajib tawaf dan kebanyakan daripada sunatnya. Walau bagaimanapun, hadis ini telah dikemukakan dengan maknanya sahaja tanpa matan asal berbahasa Arab. Makna hadis itu dikemukakan seperti berikut:

“Dan tersebut pada *Sahihayn* bahawasanya Nabi SAW tawaf ia dengan berkenderaan pada *Hajjah al-Wada'.*”

Beliau menyatakan bahawa status hadis ini sebagai sahih kerana sumber ambilannya daripada al-*Sahihayn* (al-Fathani, 2021). Kajian ini mendapati, hadis ini telah diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Hajj, bab istilam al-rukni bi al-mihjan, halaman 390, nombor 1607 (al-Bukhari, 2002) dan Imam Muslim dalam *Sahih Muslim*, Kitab al-Hajj, bab Jawaz al-tawaf 'ala ba'ir wa ghairihi wastilami al-hajari bi mihjanin wa nahwihi lirrakibi, halaman 579, nombor 1272 (Muslim, 2006). Matan penuh bersama sanad yang lengkap sebagaimana dinukilkan dalam *Sahih al-Bukhari* adalah seperti di bawah:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ صَالِحٍ، وَيَحْيَى بْنُ سُلَيْمَانَ، قَالَا حَدَّثَنَا ابْنُ وَهْبٍ، قَالَ أَخْبَرَنِي يُنُسُ، عَنْ ابْنِ شَهَابٍ، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ. قَالَ طَافَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ عَلَى بَعِيرٍ، يَسْتَلِمُ الرُّكْنَ بِمِخْجَنِ

Maksud: Ahmad bin Soleh dan Yahya bin Sulaiman menyampaikan kepada kami, kata mereka: “Ibn Wahb menyampaikan kepada kami, katanya, ‘Yunus mengkhabarkan kepadaku daripada Ibn Shihab, daripada Ubaidillah bin Abdullah, daripada Ibn Abbas RA, beliau telah berkata, Rasulullah SAW bertawaf dengan menaiki unta ketika menunaikan haji *wada'* dan beristilam pada rukun Hajar Aswad dengan tongkat”.

Hadis itu dihukumkan sahih kerana terdapat dalam kitab *Sahih al-Bukhari* dan *Sahih Muslim* (*muttafaq 'alayh*).

2) Hadis *Sahih*

Hadis pertama juga dinukilkan dalam fasal bermula haji dan umrah didapati *sahih*. Al-Fathani (2021) telah mengemukakannya dengan menulisnya seperti berikut:

Pada hadis Muslim daripada Abu Hurairah katanya telah membaca khutbah bagi kami oleh Rasulullah SAW, أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ فَرَضَ عَلَيْكُمُ الْحَجَّ فَحُجُّوا

Maksud: Wahai sekalian manusia telah difardukan oleh Allah atas kamu akan haji maka berhaji oleh kamu.

Al-Fathani (2021) menyatakan bahawa hadis tersebut adalah daripada Muslim. Nukilan ini adalah benar kerana kajian mendapati hadis berkenaan telah diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *Sahih Muslim*, Kitab Haji, bab fardu al-hajj marratan fi al-'umri, halaman 608, nombor 1337 (Muslim, 2006). Oleh yang demikian, hadis ini telah dinilai sahih berdasarkan kepada kedudukannya dalam kitab *Sahih Muslim*.

Hadis kedua yang didatangkan oleh al-Fathani (2021) dalam fasal bermula haji dan umrah dinukil seperti berikut:

(dan) hadis al-Daraqutni dengan isnad yang sahih daripada Saraqah, kataku:

يا رسول الله، عُمَرْتُنَا هَذِهِ لِعَامِنَا هَذَا أَمْ لِلْأَبَدِ؟ فَقَالَ: لَا، بَلْ لِلْأَبَدِ.

Maksud: Wahai Rasulullah, adakah umrah kita ini hanya untuk tahun ini sahaja atau untuk selamanya?" Baginda bersabda: "Tidak, bahkan untuk selama-lamanya".

Hadis ini juga tidak disebutkan statusnya oleh al-Fathani. Walau bagaimanapun, beliau menyebutkan bahawa hadis itu adalah daripada al-Daraqutni dan isnadnya adalah *sahib* daripada sahabat iaitu Suraqah bin Malik (al-Fathani, 2021). Berdasarkan carian di laman web www.dorar.net, kajian ini mendapati hadis berkenaan dinilai sebagai *sahib li ghayrihi* oleh Shuaib al-Arna'ut dalam kitab *Takhrir Sunan al-Daraqutni*. Sementara itu, Sheikh al-Albani pula menghukum hadis tersebut sebagai *sahib* seperti mana tercatat dalam kitabnya, *Sahib al-Nasai'*, Kitab Manasik al-Hajj, bab ibahah faskhi al-hajj bi umrah liman lam yasuci al-hadya, halaman 287 nombor 2805 (al-Albani, 1998). Al-Nasai' (2001) juga meriwayatkan hadis ini dalam *Sunan Kubra*, Kitab Manasik, bab ibahah faskhi al-hajj bi umrah liman lam yasuci al-hadya, halaman 74, nombor 3774. Jelasnya, status hadis ini adalah *sahib*.

Hadis keempat dalam fasal bermula haji dan umrah telah dinukilkan seperti berikut:

Sabda Nabi SAW pada menjawab pertanyaan A'isyah RA:

يا رَسُولَ اللَّهِ، هَلْ عَلَى النِّسَاءِ مِنْ جِهَادٍ؟ قَالَ: نَعَمْ، عَلَيْهِنَّ جِهَادٌ لَا قِتَالٌ فِيهِ: الْحَجُّ، وَالْعُمْرَةُ

Maksud: Wahai Rasulullah, adakah wajib atas segala perempuan berjihad? Baginda bersabda, "Ya, (yakni) jihad yang di dalamnya tiada berbunuh-bunuhan iaitu haji dan umrah".

Al-Fathani (2021) ketika mendatangkan hadis tersebut, tidak menyatakan statusnya. Namun begitu, kajian ini mendapati hadis berkenaan telah diriwayatkan oleh Ibn Majah dalam kitab *Sunan*, Kitab Manasik, bab al-Hajj Jihad al-Nisa', jilid 4, halaman 146, nombor 2901 (Ibn Majah, 2009). Hadis ini telah dinilai sahih oleh al-Albani (1997) seperti mana tercatat dalam kitabnya, *Sahib Ibn Majah* jilid ketiga, Kitab Manasik, bab al-hajj jihad al-nisa', halaman 10, nombor 2362. Oleh itu, hadis ini dihukumkan sebagai *sahib*.

Hadis ketujuh berkenaan fasal martabat haji dikemukakan oleh al-Fathani (2021) seperti berikut:

kerana riwayat Baihaqi seperti yang tersebut di dalam majmuk sabda Nabi SAW:

أَمَّا صَبِي حَجٍّ ثُمَّ بَلَغَ فَعَلِيهِ حَجَّةٌ أُخْرَى وَ أَمَّا عَبْدٌ حَجَّ ثُمَّ عَتَقَ فَعَلِيهِ حَجَّةٌ أُخْرَى

Maksud: Sekiranya seorang kanak-kanak menunaikan haji kemudian dia baligh maka wajib atasnya haji yang lain dan sekiranya seorang hamba sahaya menunaikan haji dan kemudian dimerdekakan wajib atasnya haji yang lain.

Status hadis ini juga tidak dinyatakan oleh al-Fathani. Berdasarkan carian, hadis itu telah dinukilkan oleh Imam al-Baihaqi dalam kitab *Sunan Kubra*, bab hajj al-sobiy yablughu wa al-mamluk yu'tiq wa al-dhimmi yusallim, jilid 5, halaman 291, nombor 9849 (al-Baihaqi, 2022). Sheikh al-Albani (1988) juga menilai hadis tersebut sebagai sahih sebagai mana disebut dalam kitabnya, *Sahib Jami' Saghir wa Ziyadatibi*, jilid 1 halaman 529 nombor 2729.

Hadis kelapan yang telah didatangkan oleh al-Fathani (2021) dalam fasal syarat wajib haji dan umrah ditulis seperti berikut:

(Dan sunat) bagi orang yang naik kenderaan itu bahawa dinaiki di atas kenderaannya dengan tiada *bandaj* kerana mengikut Nabi SAW kerana adalah baginda haji atas rahilah dan pelananya buruk dan kain lapisnya buruk adalah kira-kira harganya empat dirham jua dan sabdanya,

اللهم اجعله حجا مبرورا لا رياء ولا سمعة

Maksud: Ya Allah jadikan haji aku haji yang mabrur tiada riya' dan tiada sum'ah.

Hadis ini juga tidak dinyatakan statusnya oleh al-Fathani. Oleh itu, kajian ini melakukan carian dan mendapati hadis ini telah diriwayatkan oleh Ibn Majah dalam kitab *Sunan*, Kitab Manasik, bab al-hajj 'ala al-rahli, halaman 965, nombor 2890 (Ibn Majah, 2009). Hadis ini telah dinilai sahih oleh Sheikh al-Albani (1997) seperti mana tercatat dalam karyanya, *Sahib Ibn Majah*, Kitab Manasik, bab al-hajj 'ala al-rahli, jilid 3, halaman 7, nombor 2355.

Hadis kesebelas dinukilkan oleh al-Fathani (2021) dalam fasal syarat wajib haji dan umrah seperti berikut:

Pada tiap-tiap yang dinamakan safar kerana riwayat Ibn Abbas akan riwayat yang *mutlaqah*, "Jangan musafir oleh perempuan melainkan serta yang mempunyai mahram".

Kemudian hadis ini ditulis kembali oleh pengarang dalam matan asalnya (berbahasa Arab) pada nota kaki halaman yang sama. Hadis yang dinukilkan pada nota kaki itu adalah seperti di bawah;

لَا تُسَافِرُ الْمَرْأَةُ يَوْمَيْنِ إِلَّا مَعَها زَوْجُهَا أَوْ ذُو مَحْرَمٍ.

Maksud: Wanita dilarang bermusafir selama dua hari tanpa ditemani suami atau mahramnya.

Analisis mendapati, hadis ini telah dinukilkan oleh Imam al-Bukhari dalam *Sahib al-Bukhari*, Kitab Fadl al-solah fi masjid Makkah wa al-Madinah, bab masjid Bayt al-Maqdis, halaman 288, nombor 1197 (al-Bukhari, 2002). Hadis ini juga tidak dinyatakan statusnya oleh al-Fathani namun ia dinilai sebagai sahih berdasarkan kepada kedudukannya dalam kitab *Sahib al-Bukhari*.

Hadis ke 15 telah didatangkan oleh al-Fathani (2021) dalam fasal syarat pada menyatakan ijarah *a'in* dan ijarah *dhimmah*. Hadis tersebut didatangkan seperti berikut:

فَهُنَّ هُنَّ وَلَمَنْ أَتَى عَلَيْهِنَّ، مِنْ غَيْرِ أَهْلِهِنَّ مِمَّنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ

Maksud: Kesemua miqat ini adalah untuk mereka yang merupakan penduduk di kawasan itu atau selainnya (bukan penduduk) yakni kepada sesiapa yang mahu menunaikan haji dan umrah.

Al-Fathani tidak menyatakan status hadis ini ketika mendatangkannya dalam karyanya itu. Oleh itu, satu carian terhadap hadis ini telah dilakukan dan didapati hadis tersebut telah diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam *Sahib al-Bukhari*, Kitab Hajj, bab muhalli man kana duna al-mawaqit, halaman 372, nombor 1529. Hadis ini dihukumkan sahih berdasarkan pada kedudukannya dalam kitab *Sahib al-Bukhari*.

Hadis ke 34 telah didatangkan oleh al-Fathani (2021) dalam fasal pada menyatakan wukuf di Arafah dan dinukilkan seperti berikut:

الحج عرفة

Maksud: Haji adalah Arafah

Beliau tidak menyatakan status hadis berkenaan. Sehubungan dengan itu, carian dilakukan untuk mengenal pasti statusnya. Kajian mendapati hadis berkenaan telah diriwayatkan oleh al-Nasai' dalam *Sunan Kubra*, Kitab Manasik, bab fardu al-wuquf bi 'Arafah, juzuk 4, halaman 159, nombor 3997 (al-Nasai', 2001). Sheikh al-Albani (1998) telah menilai hadis itu *sahib* dalam kitabnya, *Sahib al-Nasai*, Kitab Manasik al-Hajj, bab fardu wuquf bi 'Arafah, jilid 2, halaman 346, nombor 3016.

Hadis *Mardud*

Kajian ini mendapati tiga jenis status hadis *mardud* (ditolak), iaitu hadis *da'if*, hadis *munkar* dan hadis *mawdu'*.

1. Hadis *Da'if*

Hadis keenam telah dikemukakan oleh al-Fathani (2021) dalam fasal bermula haji dan umrah dengan nukilan berikut:

(Dan) setengah daripadanya hadis; *مَنْ قَضَىٰ تُسْكُهُ، وَسَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ، عُفِّرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ*

Maksud: Barangsiapa menunaikan nusuknya (haji) dan selamat kaum muslimin daripada tangan dan lidahnya akan diampunkan oleh Allah dosanya yang telah lalu.

Al-Fathani tidak menyebut status hadis berkenaan dalam karyanya itu. Kajian mendapati Sheikh al-Albani telah menghukum hadis berkenaan sebagai *da'if* seperti mana tercatat dalam kitabnya, *Silsilah al-Abadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah wa Atharaha al-Sayyih fi al-Ummah*, nombor hadisnya ialah 2281. Beliau menyatakan bahawa salah seorang perawi hadis berkenaan iaitu Musa bin Ubaidah adalah seorang yang *da'if*. Manakala Abdullah bin Ubaidah, iaitu saudara yang mana Musa telah meriwayatkan hadis ini daripadanya, ulama berbeza pandangan terhadap kewibawaannya sebagai perawi, sama ada *da'if* atau tidak. Yahya berpendapat, perawi tersebut *da'if*. Malah Ibn Hibban menyatakan bahawa Musa bin Ubaidah tidak meriwayatkan hadis berkenaan kecuali daripada saudaranya, Abdullah bin Ubaidah. Ahmad pula berpendapat, perawi tersebut tersangat lemah (al-Albani, 1992). Oleh kerana itu, hadis ini dihukumkan sebagai *da'if*.

Hadis lain yang berstatus *sahih* justeru boleh dijadikan sebagai hadis gantian adalah:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ " مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتِ، فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ، رَجَعَ كَمَا وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

Maksud: Rasulullah SAW bersabda, sesiapa yang menunaikan haji di rumah ini (Baitullah) dan tidak melakukan perbuatan-perbuatan menimbulkan syahwat dan tidak juga melakukan maksiat, maka dia akan kembali seumpama hari dia dilahirkan oleh ibunya. (Al-Bukhari (2012), *Sahih al-Bukhari*, nombor 1819)

Hadis ke 17 telah dikemukakan oleh al-Fathani (2021) dalam bab melakukan haji lebih daripada sekali. Hadis ini dinukilkan seperti berikut:

(dan lagi) sabda Nabi SAW:

إِذَا حَجَّ الرَّجُلُ عَنْ وَالِدَيْهِ تَقَبَّلَ مِنْهُ وَمِنْهُمَا، وَاسْتَبَشَّرَتْ أَرْوَاحُهُمَا فِي السَّمَاءِ، وَكُتِبَ عِنْدَ اللَّهِ بَرًّا

Maksud: Apabila seorang lelaki melakukan haji untuk ibu bapanya Allah akan menerima (ibadat haji tersebut) daripadanya dan daripada kedua ibu bapanya, menjadi berita gembira buat roh keduanya di langit dan Allah juga menuliskannya sebagai amal bakti kepada kedua ibu bapanya itu.

Al-Fathani (2021) menyatakan hadis berkenaan diriwayatkan oleh al-Daraqutni daripada Yazid bin Arqam tetapi beliau tidak menyatakan statusnya. Kajian terhadap hadis tersebut mendapati, Sheikh al-Albani telah menghukum hadis tersebut sebagai *da'if* seperti mana tercatat dalam kitabnya, *Silsilah al-Abadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah wa Atharaha al-Sayyih fi al-Ummah*, jilid 3, halaman 626, nombor 1434 (al-Albani, 1992). Menurut al-Albani (1992), sanad hadis tersebut *da'if* kerana dalam jalur sanadnya ada seorang perawi yang bernama Abu Sa'id al-Baqal atau nama

sebenarnya Sa'id bin Marzuban. Beliau adalah seorang yang *da'if* dan seorang *mudallis* sebagaimana dinukilkan dalam kitab *Taqrib*.

Cadangan hadis bertaraf *sahih* yang boleh dijadikan gantian ialah:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، قَالَ، قُلْتُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ أَمُّ الْأَعْمَالِ أَقْرَبُ إِلَى الْجَنَّةِ؟ قَالَ، "الصَّلَاةُ عَلَى مَوَاقِفِهَا". قُلْتُ، وَمَاذَا يَا نَبِيَّ اللَّهِ؟ قَالَ، "بِرِّ الْوَالِدَيْنِ". قُلْتُ، وَمَاذَا يَا نَبِيَّ اللَّهِ؟ قَالَ، "الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ".

Maksud: Daripada Abdullah bin Mas'ud, aku bertanya, wahai Rasulullah apakah amalan yang dekat dengan syurga. Rasulullah bersabda, solat pada waktunya. Aku bertanya lagi, apa lagi wahai Rasulullah. Rasulullah bersabda, berbuat baik kepada ibu bapa. Aku bertanya lagi, apa lagi wahai Rasulullah. Rasulullah bersabda, jihad atas jalan Allah. (Muslim (2006), *Sahih Muslim*, nombor 85).

2. Hadis *Munkar*

Hadis ke 26 telah didatangkan oleh al-Fathani (2021) dalam bab memasuki Mekah dalam kitabnya itu. Petikan yang mengandungi hadis berkenaan dinukilkan seperti di bawah:

(dan lagi) kerana pintu Bani Shaibah itu pada pihak pintu Kaabah dan Hajar al-Aswad dan adalah pihak pintu Kaabah itu terlebih mulia daripada tiga pihak yang lainnya dan lagi telah sah pada hadis: الْحَجَرُ الْأَسْوَدُ يَمِينُ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ

Maksud: Hajar al-Aswad adalah tangan kanan Allah di bumi

Al-Fathani juga tidak menyatakan status hadis ini. Kajian ini mendapati Sheikh al-Albani (1992) telah menghukumkan hadis tersebut sebagai *munkar* dan penilaiannya itu terdapat dalam kitabnya, *Silsilah al-Abadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah wa Atharaha al-Sayyih' fi al-Ummah*, nombor 223. Beliau menukilkan kata-kata al-Daruqutini dalam karyanya, *al-Mizan* dan kemudian memberi penambahan oleh Ibn Jauzi yang menyatakan bahawa hadis tersebut tidak sahih kerana salah seorang perawinya daripada jalur Ishak bin Basyar al-Kahili iaitu Abu Ma'shar al-Madaini adalah seorang yang *da'if*. Kesimpulannya, hadis ini dalam semua keadaan dinilai sebagai batil (al-Albani, 1992). Hadis ini *munkar* kerana ia yang diriwayatkan oleh seseorang yang *da'if* bertentangan dengan riwayat perawi yang *thiqah*. Hadis *munkar* adalah termasuk dalam kategori hadis yang ditolak.

Hadis lain yang *sahih* yang boleh dijadikan sandaran bagi menggantikan hadis ini ialah sabda Rasulullah SAW:

نَزَلَ الْحَجَرُ الْأَسْوَدُ مِنَ الْجَنَّةِ وَهُوَ أَشَدُّ بَيَاضًا مِنَ اللَّبَنِ فَسَوَّدَتْهُ خَطَايَا بَنِي آدَمَ .

Maksud: "Hajar al-Aswad diturunkan daripada syurga. Warnanya lebih putih daripada putihnya susu tetapi telah dihitamkan oleh sebab dosa-dosa anak Adam". (al-Tirmidhi (1996), *Sunan al-Tirmidhi*, nombor 894)

3) Hadis *Mawdu'*

Hadis kelima telah dikemukakan oleh al-Fathani (2021) juga dalam fasal bermulanya haji dan umrah adalah seperti berikut:

(Faedah) bermula fadilat mengerjakan haji itu tiada terhitung banyaknya setengah daripadanya hadis;

من خرج حاجًّا يريد وجه الله فقد غفر الله له ما تقدم من ذنبه وما تأخر , وشفع فيمن دعا له

Maksud: Barangsiapa yang keluar mengerjakan haji semata-mata inginkan reda Allah akan diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu dan akan datang serta memberi syafaat kepada sesiapa yang mendoakannya.

Status hadis ini tidak dinyatakan oleh al-Fathani. Analisis kajian ini mendapati status hadis berkenaan adalah *mawdu'* berdasarkan penilaian Sheikh al-Albani. Beliau menghukumnya sebagai hadis *mawdu'* dalam kitabnya, *Silsilah al-Ahadith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah wa Atharaha al-Sayyih fi al-Ummah*, nombor 6395 (al-Albani, 1992). Dalam hadis tersebut terdapat seorang perawi yang bernama Ismail bin Yahya atau lebih dikenali dengan nama Abu Yahya al-Taimi. Al-Dhahabi dalam *al-Mizān* menyebutkan bahawa perawi tersebut telah meriwayatkan hadis daripada Abu Sinan al-Shaybani, Ibn Juraij dan Mas'ar dan beliau banyak menipu. Saleh bin Muhammad Jazrah juga pernah menyatakan bahawa perawi itu banyak mereka-reka hadis. Al-Daruqutni menilai perawi berkenaan sebagai pendusta. Ibn Hajar pula menilainya sebagai *matruk al-hadith* (al-Albani, 1992).

Cadangan hadis gantian yang berstatus *sahih* adalah seperti berikut:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، "مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتَ، فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ، رَجَعَ كَمَا وَلَدَتْهُ أُمُّهُ"

Maksud: Rasulullah SAW bersabda, “Sesiapa yang menunaikan haji di rumah ini (Baitullah) dalam keadaan tidak melakukan perbuatan yang mendatangkan syahwat dan fasiq nescaya dia akan kembali seumpama hari pertama dilahirkan oleh ibunya”. (Al-Bukhari (2012), *Sahih al-Bukhari*, nombor 1819).

Kajian terhadap 14 hadis daripada 57 hadis yang terdapat dalam kitab *al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*, bab haji dan umrah, mendapati 2 hadis berstatus *muttafaq 'alaih*, 8 hadis berstatus *sahih*, 2 hadis berstatus *da'if*, 1 hadis *munkar* dan 1 hadis *mawdu'*. Oleh yang demikian, rumusan terhadap kesemua hadis kajian yang dijalankan ini adalah seperti di bawah:

- a) 10 hadis bertaraf *maqbul*.
- b) 4 hadis bertaraf *mardud*.

Jadual 1: Senarai hadis-hadis *maqbul* dalam kitab haji dan umrah daripada kitab *Al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*

No.	Halaman Kitab	Teks Hadis	Status Hadis
1.	397	بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ	<i>Muttafaq 'alaih</i>
2.	470	طَافَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ عَلَى بَعِيرٍ، يَسْتَلِمُ الرَّحْمَنَ يَمْحُجُّنِ	<i>Muttafaq 'alaih</i>
3.	397	يَأْتِيهَا النَّاسُ قَدْ فَرَضَ اللَّهُ عَلَيْكُمُ الْحَجَّ فَحُجُّ	<i>Sahih</i>
4.	397	يَا رَسُولَ اللَّهِ أَرَأَيْتَ عُمْرَتَنَا هَذِهِ لِعَامِنَا هَذَا أَوْ لِلْأَبَدِ	<i>Sahih</i>
5.	397	يَا رَسُولَ اللَّهِ، هَلْ عَلَى الْبَسَاءِ مِنْ جِهَادٍ؟ قَالَ: نَعَمْ، عَلَيْهِنَّ جِهَادٌ لَا قِتَالَ فِيهِ: الْحُجُّ، وَالْعُمْرَةُ	<i>Sahih</i>
6.	401	أَمَّا صَبِي حَجٍّ ثُمَّ بَلَغَ فَعَلَيْهِ حَجَّةٌ أُخْرَى	<i>Sahih</i>
7.	405	اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا لَا رِيَاءَ وَلَا سُوءَةَ	<i>Sahih</i>
8.	410	لَا تُسَافِرِ الْمَرْأَةُ يَوْمَيْنِ إِلَّا مَعَ زَوْجِهَا أَوْ ذُو مَحْرَمٍ	<i>Sahih</i>
9.	427	فَهُنَّ لهنَّ وَلِمَنْ أَتَى عَلَيْهِنَّ، مِنْ غَيْرِ أَهْلِيهِنَّ مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ	<i>Sahih</i>
10.	484	الحج عرفة	<i>Sahih</i>

Jadual 2: Senarai hadis-hadis *mardud* dalam kitab haji dan umrah daripada kitab *Al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*

No.	Halaman Kitab	Teks Hadis	Status Hadis
1.	397	مَنْ قَضَىٰ نُسْكُهُ، وَسَلِمَ الْمُسْلِمُونَ مِنْ لِسَانِهِ وَيَدِهِ، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ	<i>Da'if</i>
2.	434	إِذَا حَجَّ الرَّجُلُ عَنْ وَالِدَيْهِ تُقْبَلُ مِنْهُ وَمِنْهُمَا، وَاسْتَبْشَرَتْ أَرْوَاحُهُمَا فِي السَّمَاءِ، وَكُتِبَ عِنْدَ اللَّهِ بِرًّا	<i>Da'if</i>
3.	457	الْحَجَرُ الْأَسْوَدُ يَمِينُ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ	<i>Munkar</i>
4.	397	مَنْ خَرَجَ حَاجًّا يَرِيدُ وَجْهَ اللَّهِ فَقَدْ غَفَرَ اللَّهُ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ وَمَا تَأَخَّرَ وَشَفَعَ فِيمَنْ دَعَا لَهُ	<i>Mawdu'</i>

Menjadi kelaziman seorang pengarang kitab fiqh mendatangkan hadis-hadis dalam karyanya, sebagai sandaran dalil terutama ketika membincangkan pelaksanaan satu-satu ibadat khusus seperti haji dan umrah. Begitulah pendekatan yang diambil al-Fathani ketika menulis kitab *Al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi* iaitu sebuah kitab fiqh yang berasaskan kepada Mazhab Syafie. Tanpa dalil, mustahil satu-satu ibadat itu dapat dilaksanakan dengan sempurna. Begitu juga haji dan umrah, kedua-dua ibadat berkenan amat bergantung kepada dalil terutama hadis-hadis Rasulullah SAW dalam memastikan kedua-dua ibadat itu dapat dikerjakan sebagaimana dikehendaki oleh Allah SWT. Sebagai contoh, hadis yang mewajibkan setiap umat Islam menunaikan haji iaitu hadis riwayat Muslim, nombor 1337. Dalam hadis tersebut Rasulullah SAW telah memerintahkan agar setiap umat Islam menunaikan haji sekali seumur hidup.

Tentang ijtihad yang bertentangan dengan jumhur ulama, perkara tersebut tidak berlaku dalam karya ini sebaliknya ia menepati setiap kehendak syarak serta jumhur ulama. Ini kerana latar belakang al-Fathani sebagai seorang ulama Nusantara yang pernah dilantik sebagai kadi di Mekah. Malah beliau juga merupakan seorang sheikh haji terbesar dan guru kepada hampir semua ulama yang berasal dari dunia Melayu pada zamannya, seperti Haji Omar bin Ismail Sungai Keladi, Tok Kenali Kelantan, Tok Kemuning dan Uthman Senik (Wan Abdullah, 2019). Dalam pada itu, tidak pula ditemui mana-mana sumber bahawa al-Fathani pernah mengikuti pengajian hadis daripada mana-mana guru yang menunjukkan kredibiliti dan ketinggian ilmu beliau.

KESIMPULAN

Kajian terhadap 14 hadis dalam kitab *al-Bahr al-Wafi al-Nahr al-Safi*, bab haji dan umrah merumuskan bahawa sebahagian besar hadis yang didatangkan oleh al-Fathani merupakan hadis-hadis *sahih* meskipun beliau tidak menyatakan status hadis-hadis tersebut. Walau bagaimanapun tidak dinafikan di samping hadis-hadis *sahih*, al-Fathani, 2021 turut mengemukakan hadis-hadis *da'if* dan *mawdu'* dalam karyanya itu. Dari segi peratusan, daripada 14 hadis yang dikaji, 71 peratus daripadanya terdiri daripada hadis-hadis yang *maqbul* manakala baki 29 peratus lagi terdiri daripada hadis-hadis *mardud*. Kajian terhadap 14 hadis namun keputusan ini boleh dijadikan sebagai petunjuk atau bukti terhadap kecenderungan al-Fathani untuk mengemukakan hadis-hadis *sahih* sebagai sandaran dalil dalam karyanya itu walaupun tidak dinafikan masih terdapat nukilan hadis berstatus *da'if* dan *mawdu'*. Keadaan yang berlaku itu sukar hendak dijelaskan memandangkan kitab-kitab hadis khususnya *Kutub Sittah* termasuk *Muwatta'* Imam Malik dan *Musnad Ahmad* telah wujud sejak sekian lama iaitu sekitar abad ketiga hijrah dan ada yang lebih awal dari itu.

Walaupun al-Fathani turut mendatangkan hadis-hadis berstatus *da'if* dan *mawdu'* ini bukan bermakna kitab *al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi* tidak boleh dipercayai dan tidak boleh dijadikan rujukan sebaliknya kitab ini adalah antara kitab rujukan yang baik dalam bab haji dan umrah. Ini

kerana perbahasan tentang ibadat haji dan umrah dalam kitab ini amat komprehensif dan banyak manfaatnya dari segi ilmu haji dan umrah kepada bakal-bakal jemaah. Bahkan al-Fathani merupakan seorang ulama yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang dua bidang itu. Bagi pengukuhan dalil-dalil, kajian ini mencadangkan agar pentahkikan atau ulasan dilakukan terhadap karya ini dengan mengemukakan hadis-hadis lain yang berstatus *sahih* bagi menggantikan hadis-hadis yang *da'if* dan *maudu'* dalam bab haji dan umrah serta bab-bab lain.

PENGHARGAAN

Makalah ini adalah sebahagian kajian dalam pengajian Sarjana Pengajian Islam (Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah) di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

SUMBANGAN PENGARANG

Konseptualisasi & metodologi, Fadlan; pengumpulan data & analisis, Saifulizam & Fadlan; penulisan draf original, Saifulizam; semakan dan penyuntingan, Fadlan. Semua penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan (kewangan, peribadi atau profesional) yang boleh mempengaruhi penulisan dan penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN ETIKA

Kajian ini tidak melibatkan subjek manusia atau haiwan. Semua data yang digunakan diperoleh daripada sumber yang boleh diakses secara umum dan tidak mengandungi sebarang maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti. Oleh itu, kelulusan etika tidak diperlukan.

PERNYATAAN TEKS YANG DIHASILKAN OLEH KECERDASAN BUATAN (AI)

Tiada alat Kecerdasan Buatan (AI) digunakan untuk menghasilkan kandungan asal, menjalankan analisis, atau menggantikan mana-mana bahagian sumbangan intelektual penyelidik.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Sumbangan asal yang dibentangkan dalam kajian ini telah disertakan dalam artikel/bahan tambahan. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada penulis korespondan.

RUJUKAN

- Al-Albani, M.N. (1988). *Sahih Jami' Saghir wa Ziyadatibi*. Maktabah al-Islami.
- Al-Albani, M. N. (1992). *Silsilah al-Ahadiith al-Da'ifah wa al-Mawdu'ah wa Atharaba al-Sayyi' fi al-Ummah*. Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Albani, M. N. (1997). *Sahih Ibn Majah*. Maktabah al-Ma'arif li al-Nashar wa al-Tauzi'.
- Al-Albani, M. N. (1998). *Sahih Al-Nasai'*. Maktabah al-Ma'arif li al-Nashar wa al-Tauzi'.
- Al-Baihaqi, A.H. (2002). *Al-Sunan al-Kubra*. Dar al-Kitab al-'Alamiyyah.
- Al-Bukhari, M.I. (2002). *Sahih al-Bukhari*. Dar Ibn Kathir.
- Al-Nasai', A.S. (2001). *Sunan Kubra*. Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Tahhan, M. (1999). *Usul Takhrij wa Dirasat al-Asanid*. Maktabah al-Ma'arif.
- Al-Tirmidhi, M.I. (1996). *Al-Jami' al-Kabir*. Dar al-Garb al-Islami.
- Al-Fathani, M.I.D. (2021). *Al-Bahr al-Wafi wa al-Nahr al-Safi*. Khazanah Fathaniah.
- Deraman, F. (2001). Ilmu Takhrij al-Hadith: Pengertian, sejarah dan kepentingannya. *Jurnal Usuluddin*, 14, 55–64. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/4024>
- Othman, F.M. (2018). *Praktikal Takhrij Hadis via IT*. Bayyinah Enterprise.
- Othman, F.M., Sakat, A.A., Abdul Majid, L., Amran, N.N., & Nazri, M.A. (2022). *Praktikal Takhrij Hadis: Semakan Sumber & Status*. Penerbit USIM.
- Ibn Majah, M.Y. (2009). *Al-Sunan*. Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Muslim, H. (2006). *Sahih Muslim*. Dar al-Tayyibah li al-Nashar wa al-Tauzi'.
- Wan Abdullah, W.M.S. (2019). *Pengenalan dan Perumian Kitab Haji dan Umrah al-Bahr al-Wafi*. Khazanah Fathaniyah.
- Birbik, M.H. (2020). Takhrij Hadiths: Metode penelitian sumber-sumber hadiths untuk meminimalisir pengutipan hadiths secara sepihak. *Ar-Risalah, Media Keislaman, Pendidikan dan Hukum Islam*, (18(1), 176–192. DOI: [10.29062/arrisalah.v18i1.281](https://doi.org/10.29062/arrisalah.v18i1.281)